

17 MAR 1998

Mahathir-Anugerah

DR MAHATHIR TERIMA ANUGERAH BINAAN

KUALA LUMPUR, 17 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini dikurniakan anugerah International Federation of Asian and Western Pacific Contractors Association-ATSUMI (IFAWPCA), satu anugerah paling berprestij oleh jurubina dan kontraktor antarabangsa.

Anugerah itu diperkenalkan pada 1993 semasa konvensyen ke 26 Persekutuan Antarabangsa Persatuan Kontraktor Asia dan Pasifik Barat di Tokyo oleh mendiang Takeo Atsumi, seorang jurubina terkenal yang banyak menyumbang ke arah kemajuan industri pembinaan di seluruh dunia.

Perdana Menteri menerima anugerah itu daripada balu Atsumi, Itsuko, pada satu jamuan anjuran IFAWPCA sempena konvensyennya yang ke 29 di sini.

Anugerah itu yang termasuk wang US\$3,000 diberikan pada setiap konvensyen IFAWPCA.

Menurut sekretariat IFAWPCA yang berpejabat di Manila, Dr Mahathir dipilih sebagai menghargai sumbangan beliau terhadap kemajuan dan pertumbuhan industri pembinaan di Malaysia.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berterima kasih kepada persatuan itu kerana anugerah tersebut.

"Saya tidak pernah menjadi kontraktor atau pemaju, tetapi meminta orang lain untuk membina projek.

"Kesemua projek besar ini bukanlah projek saya sendiri, tetapi satu impian negara untuk dikongsi bersama," kata beliau.

Beliau berkata projek besar itu yang disebut sebagai projek mega sebenarnya adalah "projek kecil".

"Saya suka menekankan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di Sepang yang dibina di atas kawasan seluas 10,000 hektar adalah projek yang besar melibatkan kos AS\$4 bilion.

Selepas ini, sebuah lapangan terbang baru (di negara yang namanya beliau enggan sebut) akan beroperasi dan memerlukan kos AS\$20 bilion, dan ia lima kali lebih besar daripada KLIA, kata beliau sambil menambah kata rakyat Malaysia adalah orang "kecil" cuba berbuat sesuatu untuk menggembirakan diri mereka.

"Kita cuba mencerikan diri kita sehingga ke tahap ini apabila sektor pembinaan mengalami masalah," katanya sambil menambah "kita diberitahu, kita tidak seharusnya membuat perkara yang tidak baik untuk kita."

Perdana Menteri berharap dengan menanggukkan beberapa projek, rakyat akan mempunyai keyakinan kepada negara.--BERNAMA

ARA RI